



Selamat Datang Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia



(https://50tahun.upm.edu.my)

- AKADEMIK (/akademik-15) PENYELIDIKAN (/penyelidikan-3) JARINGAN (/jaringan-16) ANTARABANGSA (/antarabangsa-2) PERKHIDMATAN (/perkhidmatan-19) KEHIDUPAN KAMPUS (/kehidupan_kampus-18) PUTRA BAKTI (/putrabakti)

BERITA (/BERITA) » MASALAH PENDENGARAN TIDAK HALANG GRADUAN OKU AKTIF DI KAMPUS

Senarai Berita (/berita)

MASALAH PENDENGARAN TIDAK HALANG GRADUAN OKU AKTIF DI KAMPUS

Oleh: Nurul Ezaty Mohd Azhari



SERDANG, 23 Mac - Graduan Bachelor Sains (Sains Bioperubatan), Hazmin Hazman, 24, yang bergraduat pada hari ini di Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-45 tidak pernah merasakan masalah pendengaran yang dihadapinya sejak kecil sebagai satu beban untuk tidak aktif ketika di kampus.

Katanya, sejak di semester pertama berada di Jabatan Sains Bioperubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM) beliau telah aktif menyertai pelbagai aktiviti dan persatuan seperti teater pentas, koir dan menjadi presiden persatuan OKU UPM.

"Kadang-kadang saya terluha hendak memakai alat bantu dengar kerana terlalu seronok dan sibuk sertaini aktiviti. Pesanan saya kepada pelajar-pelajar OKU lupakan bebanan OKU itu dan tingkatkan semangat kita.

"Tidak perlu simpan kelebihan yang kita ada, beranikan diri untuk mencuba sebab kita adalah permata yang unik dan bertalenta banyak aktiviti dalam UPM," katanya.

Anak kedua daripada empat adik beradik itu mengakui bahawa beliau agak sukar untuk mendengar dengan baik ketika pembelajaran di dalam kelas.

"Apa yang saya lakukan adalah saya perlu terus berjumpa pensyarah selepas kelas untuk bertanya semula dan meluangkan lebih banyak masa di perpustakaan untuk membaca buku bagi lebih memahami sesuatu perkara.

"Masa saya banyak dihabiskan di perpustakaan sahaja dan kadang-kadang tidak sempat untuk berjumpa pensyarah disebabkan jadual kelas yang padat," katanya.

Beliau turut meluahkan rasa syukur dan terima kasih kepada para pensyarah yang membantu mengutip dana untuk membantu bayaran membaiki alat pendengarannya di samping pihak WAZAN dan unit OKU UPM yang sentiasa menghulurkan bantuan. - UPM

Tarikh Input: 23/03/2022 | Kernaskini: 23/03/2022 | hairul_nizam

PERKONGSIAN MEDIA

(https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fmasalah_pendengaran_tidak_halang_graduan_oku_aktif_di_kampus-66021&title=MASALAH%20PENDENGARAN%20TIDAK%20HALANG%20GRADUAN%20OKU%20AKTIF%20DI%20KAMPUS%20%2C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)(/#facebook)(/#twitter)(/#linkedin)(/#email)(/#copy_link)(/#wordpress)(/#print)

HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

pspk@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 |
03-9769 1999

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Perumahan ke Luar Negara
(http://bursar.upm.edu.my/spm/)

Sistem Imiti Sumber Manusia (SISMAN)
(http://www.sisman.upm.edu.my/)

KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/index.action?method=home)

Jawatan Kosong (http://ajg.upm.edu.my/)

Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)

Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)

Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)

Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)

i-GIMS (atai) (http://www.sps.upm.edu.my/8080/gims/index.jsp)

i-GIMS (pelajar passcasoswazah)
(http://spportal.upm.edu.my/8080/spportal/)

Sistem Maklumat Pelajar (pelajar passcasoswazah)
(http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia (https://www.moe.gov.my/)

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
(http://www.ptptn.gov.my/)

Multimedia Super Corridor (https://mdc.mycs-malaysia.net/)

Portal MyGovernment (https://www.malaysia.gov.my/)

Agensi Kelayakan Malaysia (https://www.mqa.gov.my/)

PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)

Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/statistik)

Tender & Kontrak (http://tender.upm.edu.my/)

Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenal_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-6202)

Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenal_kami/dasar_universiti-5603)

Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/hpk_upm/)

Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my/)

Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)

Rakam UPM 2021 (https://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20210421082600TAKWIM_UPM_2021_201_2021.pdf)

UPM Flywire (https://landing-pages.flywire.com/landing/upm)

